

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
(SABAK BERNAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.05.2015

**Y.B. TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK
BERNAM]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah
Kerajaan bagi membantu meringankan beban golongan berpendapatan
rendah, miskin, warga tua dan OKU dalam menghadapi tekanan
perbelanjaan kerana perlaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan
(GST) mulai 1 April 2015 lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan beberapa usaha bagi membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah, miskin dan warga tua khususnya apabila Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan. Kerajaan telah memberikan GST berkadar sifar terhadap barangan asas seperti beras, tepung, minyak masak dan bahan makanan mentah seperti ayam dan daging. Pengecualian GST juga diberi bagi perkhidmatan asas seperti pengangkutan awam, kesihatan dan pendidikan. Sehubungan itu juga, Kerajaan akan melebarkan bantuan subsidi bersasar seperti meningkatkan amaun pemberian BR1M dari:

1. 650 ringgit ke 950 ringgit bagi pendapatan isi rumah kurang dari 3,000 ringgit;
2. 450 ringgit ke 750 ringgit bagi keluarga yang berpendapatan di antara 3,000 ringgit hingga 4,000 ringgit; dan
3. 300 ringgit ke 600 ringgit bagi individu bujang.

Kerajaan yakin langkah yang diambil ini dapat membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah, miskin dan warga tua.

Selain itu, sebagai tambahan kepada golongan OKU pula, Kerajaan telah pun memberi pelepasan GST untuk golongan OKU yang berdaftar dengan

Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti yang terdapat dalam Butiran 7, Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014. Antara barangan yang diberi pelepasan GST ialah anggota palsu, kerusi roda, katil boleh laras untuk orang kurang upaya, dan alat bantuan pendengaran.